



# MANUAL PENGGUNA

Portal e-Kehadiran UPNM

Primuscore Sdn. Bhd.

## 1. Akses Kali Pertama

### 1.1. Login Kali Pertama

Pengguna perlu memasukkan nombor staf mengikut format XXXX-XX dan diikuti dengan nombor kad pengenalan, tanpa symbol '-' sebagai kata laluan. Masukkan nombor staf pada medan di atas dan nombor kad pengenalan pada medan di bawah. Apabila selesai memasukkan kedua-dua medan di atas, tekan butang *Login* untuk sistem membuat semakan dan seterusnya memberikan akses kepada portal.



The screenshot shows the 'Portal e-Kehadiran UPNM' login interface. At the top center is the logo of Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), featuring a blue circular emblem with a red and white figure in the center, surrounded by the text 'UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA' and '2006'. Below the logo are two input fields: the first is labeled 'Masukkan ID Staf Anda (XXXX-XX)' and the second is labeled 'Masukkan Kata Laluan Anda'. Below these fields is a note: 'Untuk login kali pertama, sila masukkan No. K/P tanpa simbol '-' sebagai kata laluan anda'. At the bottom of the form are two buttons: 'Login' and 'Lupa Kata Laluan?'. The footer of the page reads 'Portal e-Kehadiran UPNM Versi 1.0' and 'Universiti Pertahanan Nasional Malaysia'.

### 1.2. Pengaktifan Akaun Menggunakan Kod TAC

Kod TAC merupakan kod pengaktifan yang akan dihantar kepada telefon bimbit staf. Kod TAC ini merupakan salah satu kaedah verifikasi sistem yang akan menambah baik sekuriti sistem. Staf digalakkan untuk menetapkan nombor telefon bimbit terlebih dahulu melalui Portal MyProfile UPNM. Hanya nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan di dalam Portal MyProfile sahaja akan digunakan untuk sistem menghantar Kod TAC kepada staf untuk proses pengaktifan.



The screenshot shows a confirmation screen titled 'Pengesahan dan Permohonan TAC'. The text on the screen reads: 'Salam sejahtera Encik Mohd Faizal bin Mustafa. Nombor telefon bimbit anda ialah **0123456789**. \* Sila pastikan no. telefon aktif dipaparkan di atas bagi tujuan penghantaran Kod Pengaktifan. \* Sekiranya tidak aktif / tiada rekod no. telefon, sila kunjungi <http://mypofile.upnm.edu.my> untuk mengemaskini no. telefon anda.' At the bottom of the screen are two buttons: 'Mohon TAC' and 'Batal'.

Untuk memohon TAC, pastikan nombor telefon bimbit yang tertera adalah betul. Tekan butang Mohon TAC untuk meminta sistem menjana kod TAC dan seterusnya menghantar kod TAC tersebut kepada telefon bimbit staf melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).

Validasi TAC

Sistem telah berjaya menghantar nombor TAC kepada nombor telefon bimbit anda (012345678) pada 04/08/2015 20:52:06.

Sila masukkan nombor TAC yang telah anda terima.

Sekiranya nombor telefon tertera bukan nombor anda yang terkini, sila kemaskini nombor telefon melalui profile SMP.

Validasi TAC    Mohon TAC    Batal

Masukkan 6 digit Kod TAC yang diterima pada medan dibawah dan tekan butang Validasi TAC untuk meneruskan proses validasi. Sekiranya kod TAC yang dimasukkan adalah tepat, staf akan didaftarkan dan seterusnya diberi akses kepada siste.

Sekiranya terdapat perubahan kepada nombor telefon bimbit staf selepas Kod TAC dijana, tekan butang Mohon TAC untuk sistem mendapatkan nombor telefon staf yang telah dikemaskini pada Portal MyProfile dan seterusnya mengulang proses penjanaaan dan penghantaran kod TAC.